

BAHASA MELAYU TINGKATAN 1

LATIHAN KATA GANDA

Bahagian A: *Kenalpasti perkataan yang mempunyai kesalahan ejaan dan tukiskan ejaan yang betul pada ruangan yang disediakan.*

1. Pertandingan yang dianjurkan tersebut diadakan di peringkat antara bangsa.
2. Semua kaki tangan syarikat tersebut dikehendaki mematuhi arahan yang telah dikeluarkan oleh pihak atasan.
3. Semalam merupakan hari pertama Suraya bekerja sebagai setia usaha di syarikat bapanya bekerja.
4. Semua warga negara Malaysia wajib berpegang teguh kepada Prinsip Rukun Negara.
5. Seperti yang diumumkan sebelum ini, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menawarkan pilihan secara suka rela kepada orang ramai yang mahu mendapatkan vaksin AstraZeneca.

Bahagian B: *Ejaan Kata Majuk yang condong adalah salah dalam ayat berikut. Sila betulkan ejaan tersebut.*

1. Disebabkan tanah runtuh di kawasan lereng bukit itu, ***jalan raya-jalan raya*** yang menuju kawasan kejadian mengalami kesesakan yang teruk.
Jawapan : _____
2. Kerajaan telah mengenakan kompaun yang tinggi kepada pihak yang memusnahkan ***hutan simpan-hutan simpan*** di negara ini.
Jawapan : _____
3. Berpuluh-puluh ***gunung-gunang*** di negara kita menjadi lokasi pendakian bagi peminat sukan lasak.
Jawapan : _____

4. Berbagai-bagi jenis **kayu-kayan** telah ditebang oleh pembalak haram untuk dieksport.
Jawapan : _____
5. Timbunan **tanah-tanah** di bahu jalan itu sedang diangkut oleh lori pasir.
Jawapan : _____
6. Kita mestilah memusnahkan **tempat pembiakan-tempat pembiakan** nyamuk aedes terutamanya di longkang, salur bumbung dan kolah.
Jawapan : _____
7. Anda perlulah **saling ingat-mengingati** ahli keluarga tersayang tentang bahaya wabak denggi.
Jawapan : _____
8. Semalam, ibu telah menanam semua bekas-bekas yang boleh menakung air di belakang rumah.
Jawapan : _____
9. Karnival kesihatan tersebut dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dengan **kerja sama** Majlis Perbandaran Seremban.
Jawapan : _____
10. Puan Jenny sedang mengadakan demonstrasi memasak makanan berkhasiat untuk makan **tengahari**.
Jawapan : _____